

04 JUL 2002

Syed Hamid-Thailand/I

DR MAHATHIR AKAN RASMI DEWAN PERNIAGAAN MALAYSIA-THAI

PUTRAJAYA, 4 Julai (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan Dewan Perniagaan Malaysia-Thailand semasa lawatan dua hari ke Thailand bermula esok.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata Dr Mahathir juga akan menyampaikan ucap-tama di majlis makan tengah hari bagi ahli-ahli perniagaan Thailand dan Malaysia.

Beliau berkata, Perdana Menteri akan berlepas ke Chiangmai dari Alor Setar esok di mana beliau akan mengadakan pertemuan tidak rasmi dengan rakan sejawatannya di negara jiran itu, Thaksin Shinawatra.

"Pada hari berikutnya Dr Mahathir akan berlepas ke Bangkok di mana beliau akan mengadakan pertemuan rasmi bersama Perdana Menteri Thailand itu," kata Syed Hamid kepada pemberita di pejabatnya di sini, hari ini.

Beliau berkata kedua-dua pemimpin itu dijangka membincangkan pelbagai isu termasuk projek saluran paip Petronas, isu-isu sempadan dan penubuhan sekretariat Asean Campur 3 (Jepun, Korea Selatan dan China) di Kuala Lumpur.

"Kita mahu menggerakkannya...selepas idea Asean Campur 3 diutarakan oleh Dr Mahathir tahun lepas kita menerima respons yang sangat menarik dan berasa kini sudah tiba masa untuk melaksanakannya," kata Syed Hamid.

Beliau berkata dalam penubuhan sekretariat itu semua anggota Asean mesti menghulurkan bantuan penuh.

Dalam lawatan itu Dr Mahathir akan diiringi oleh isteri Datuk Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Syed Hamid, Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik dan Menteri Pertanian Datuk Mohd Effendi Norwawi.

Turut serta dalam delegasi itu ialah panglima angkatan tentera Tan Sri Mohd Zahidi Zainuddin, Ketua Polis Negara Tan Sri Norian Mai, Presiden Petronas Tan Sri Mohd Hassan Marican dan Ketua Pengarah Unit Perancangan Ekonomi Datuk Iskandar Dzakurnain Badarudin.

Syed Hamid berkata Thailand juga telah menunjukkan minat untuk turut serta dalam perjanjian anti-penggunaan yang ditandatangani oleh Malaysia, Indonesia dan Filipina awal tahun ini.

"Isu-isu yang boleh dibincangkan oleh kedua-dua pemimpin adalah pelbagai termasuk pembinaan satu terusan di bahagian selatan Thailand," kata Syed Hamid lagi.

Semasa lawatan itu, Dr Mahathir juga akan melawat satu kilang seramik, yang merupakan model bagi industri kecil dan sederhana di Thailand, dan dua kilang yang mewakili dasar "satu tambon (kampung) satu produk".

Dr Mahathir dijangka pulang ke tanah air pada pagi Ahad.

-- BERNAMA

SR AZZ PR